

# Karya pelajar tahun akhir UMS menang Dokumentari Terbaik

DE 6.5.2017 3

KOTA KINABALU: Dokumentari selama 15 minit yang dicipta oleh seorang pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Sabah (UMS) memenangi kategori dokumentari terbaik pada Flicks Fiesta SEA 2017 yang diadakan di Pulau Pinang, baru-baru ini.

*That Woman* oleh Faezah Nor Saddi menceritakan tentang perubahan dalam kehidupan seorang wanita yang

menjadi lebih positif, disiplin dan fokus selepas hubungan bersama teman lelakinya berakhir.

Faezah yang turut memainkan watak utama dan penulis skrip mengambil masa enam bulan untuk menyiapkannya dengan bantuan pensyarah dan krew produksi.

“Kami mengambil bahagian dalam pertandingan itu pada pertengahan

Mac... kami tidak menjangkakan untuk menang apa-apa, Saya tidak meletakkan harapan tinggi untuk menang ketika diberitahu karya kami dicalonkan dalam dua kategori.

“Bagi kami, kemenangan hanya satu bonus dan kami terharu atas kemenangan ini,” kata Faezah, sambil menambah karya itu juga dicalonkan dalam *Life Impact Award*.